



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 NOVEMBER 2016

Ekonomi digital bakal sumbang 20% KDNK

Um- 9/11/2016

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Kerajaan menasarkankan ekonomi digital menyumbang kira-kira 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, kementerian bersedia memainkan peranan utama dalam memacu ekonomi digital bagi pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat negara.

“Fokus akan diberikan kepada jalur lebar, data dan internet yang sudah memacu pendigitalan dalam semua industri.

“Ekonomi digital merupakan fokus utama dalam Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini,” katanya ketika merasmikan produk terbaharu video atas permintaan dalam talian Kumpulan Media Star Berhad, dimsum di Petaling Jaya hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Kumpulan Media Star Berhad, Datuk Fu Ah Kow.

Salleh berkata, kementerian itu akan memberi fokus kepada pelbagai inisiatif bagi memasti-



Waktu Solat



MBSB
MALAYSIA BROADCASTING SOCIETY BERHAD

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

 KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.40	6.57	1.00	4.21	6.58	8.10
 PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.47	7.04	1.05	4.26	7.01	8.13
 KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.33	6.52	12.54	4.15	6.53	8.05
 JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.29	6.48	12.51	4.12	6.52	8.03
 KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.04	6.23	12.26	3.48	6.27	7.38

kan penembusan digital kepada semua rakyat Malaysia.

“Malaysia mencatatkan perkembangan dalam penembusan digital dengan lebih langganan 30 juta pada 2015, meningkat sebanyak 50 peratus berbanding tahun sebelum itu, iaitu sebanyak 20 juta langganan,” katanya.